

RM50j atasi banjir di Teluk Intan

TELUK INTAN 9 Mac - Masalah banjir yang kerap melanda bandar Teluk Intan bakal diatasi dengan pembinaan tambak penahan banjir sepanjang 3.5 kilometer di Kampung Terengganu di sini yang bernilai RM50 juta.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mah Siew Keong berkata, pembinaan tambak itu mampu menghalang air Sungai Perak daripada melimpahi tebing yang menjadi punca utama banjir.

Beliau berkata, bandar ini kerap dilanda banjir kerana kedudukannya yang rendah iaitu di bawah paras Sungai Perak.

“Tambak yang bakal dibina ini lebih tinggi daripada benteng penahan air sedia ada dan mampu bertahan lama,” katanya selepas meninjau tapak pembinaan tambak penahan banjir di Jeti Durian Sebatang dekat sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Datuk Ir. Abdul Razak Dahalan.

Menurut Siew Keong, pembinaan tambak penahan banjir itu telah bermula dan mengambil masa dua tahun untuk disiapkan.



MAH SIEW KEONG (dua dari kiri) bertanya sesuatu ketika diberi taklimat mengenai tapak pembinaan tambak penahan banjir di Jeti Kampung Durian Sebatang di Teluk Intan, Perak, semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Beliau berkata, untuk tidak mengganggu aktiviti seharian penduduk, kerja-kerja pembinaan tambak penahan banjir itu tidak meli-

batkan penggunaan lori.

Sebaliknya, jelas beliau, kerja-kerja pembinaan menggunakan feri melalui sungai.